

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI RABU, 10 JULAI 2013, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 11

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. PR-1311-L53622
Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Haji Salleh [Kalabakan] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan ;-
 - (a) bilakah jambatan yang menghubungkan Labuan dengan tanah besar Sabah akan mula dibina seperti mana yang dijanjikan semasa Pilihan raya ke-13 lalu; dan
 - (b) berapakah kos pembinaannya dan apakah kaedah pembiayaan serta kaedah perlantikan kontraktor dan pelaksanaannya.
2. PR-1311-L54477
Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah Kerajaan bersedia untuk memansuhkan dasar Kabotaj, memandangkan ia merupakan satu sebab utama harga barangan di Sabah lebih mahal berbanding dengan Semenanjung Malaysia.
3. PR-1311-L54364
Dato' Wira Mohd Johari bin Baharom [Kubang Pasu] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah Kerajaan bercadang mewujudkan kembali Kementerian Pembangunan Usahawan kerana agensi-agensi berkaitan seperti SME Corp, Bank Pembangunan, SME Bank, PUNB, PNS, MARA, UDA, TERAJU, TEKUN NASIONAL, AIM dan MDV adalah untuk membantu usahawan Bumiputera. Jika tidak, apakah Kerajaan yakin agensi-agensi berkenaan yang tidak disatukan di bawah satu bumbung dapat melaksanakan tanggungjawab mereka dengan jayanya terutamanya memastikan Wawasan 2020 tercapai.
4. PR-1311-L54173
Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan adakah wujudnya rancangan konkrit bagi menaik-taraf sistem saluran air (*drainage*) terutamanya di kawasan Kampung Stampin Baru dan Jalan Stakan di kawasan Parlimen Stampin, Kuching. Jika ada, minta nyatakan rancangan tersebut secara terperinci.

5. PR-1311-L54871
Dato' Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah tindakan serta perancangan PDRM dalam usaha mencegah jenayah yang begitu merbahaya kebelakangan ini. Apakah akan ada rombakan di Jabatan Siasatan Jenayah Bukit Aman serta Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Negeri serta Ketua Bahagian Siasatan Jenayah Daerah di IPD.
6. PR-1311-L53833
Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz [Pasir Mas] minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah program-program yang telah dilaksanakan serta hasil yang telah diperolehi dalam memberikan ruang yang lebih kondusif kepada golongan belia untuk mengekspresikan idea yang bermanfaat.
7. PR-1311-L54133
Dato' Haji Abdul Rahman bin Haji Mohamad [Lipis] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah pelan tindakan Kementerian memastikan tahap pendidikan dari semua peringkat, khususnya pendidikan tinggi, akan terus berada ditahap yang tinggi. Adakah Kementerian telah melakukan *Benchmarking Exercise* dengan mana-mana institusi pengajian luar negara untuk memastikan kualiti pendidikan negara terus efektif dan berdaya saing.
8. PR-1311-L53514
Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan pendirian Kementerian tentang lemak trans. Lemak trans telah terbukti sebagai salah satu punca utama penyakit kardiovaskular dan penyakit-penyakit moden yang lain. Kenapa lemak trans tidak diharamkan.
9. PR-1311-L54967
Tuan Haji Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan berapakah bilangan Kedai Rakyat 1Malaysia telah diwujudkan sehingga kini dan sejauh manakah program ini berkesan dalam membantu rakyat.
10. PR-1311-L54453
Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan :-
 - (a) rasional penghapusan jaminan kerja bagi graduan perguruan lulusan Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM) dan Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA); dan
 - (b) perancangan jangka panjang untuk graduan ini sekiranya tidak ditempatkan di mana-mana sekolah.
11. PR-1311-L53458
Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang] minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan bilakah Kerajaan akan menyiapkan projek Jalan Meritam/Telahak/Bong Abai Fasa 2 kerana tidak ada aktiviti kerja di tapak dijalankan sekian lama.

12. PR-1311-L53527
Dato' Mohd Ariff Sabri bin Abdul Aziz [Raub] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan bagaimana untuk menyelesaikan kebimbangan yang timbul dari pembukaan dan operasi Lombong Emas Raub Australian Gold Mine yang menggunakan cyanide di Bukit Koman, Raub.
13. SPR-1311-L54947
Datuk Madius Tangau [Tuaran] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah Kementerian sedar tentang pelbagai rungutan pesakit luar termasuklah masalah kekurangan bekalan ubat di negeri Sabah, jika ya, apakah langkah-langkah penyelesaian tuntas.
14. PR-1311-L53865
Tuan Haji Nasrudin bin Hassan [Temerloh] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan peratus tenaga kerja berpendidikan tertiar di Malaysia bagi tempoh 2010 hingga 2012.
15. PR-1311-L54053
Tuan Teo Kok Seong [Rasah] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan secara terperinci mengapakah harga petrol tidak dapat diturunkan walaupun Malaysia merupakan negara pengeluar minyak.
16. PR-1311-L53159
Dato' Haji Mohd Zaim bin Abu Hasan [Parit] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan akan menyegerakan usaha-usaha memupuk perpaduan di kalangan semua kaum di negara ini termasuk mengadakan semula mata pelajaran Sivik dan mewajibkan semua pelajar mengambil mata pelajaran Sejarah.
17. PR-1311-L54610
Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad [Langkawi] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah Kerajaan mempunyai perancangan untuk mewujudkan Feri 1Malaysia untuk kemudahan rakyat Langkawi memandangkan feri merupakan pengangkutan awam yang utama antara Langkawi dan tanah besar. Buat masa ini harga tiket feri terlalu mahal untuk penduduk Langkawi berulang-alik demi urusan keluarga dan pejabat Kerajaan.
18. PR-1311-L54021
Tuan Nga Kor Ming [Taiping] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan secara terperinci bilangan kakitangan awam Kerajaan mengikut Kementerian masing-masing dan jumlah emolument serta kos untuk menanggung perkhidmatan awam dalam negara kita pada tahun 2013.
19. PR-1311-L53330
Dato' Seri Ong Ka Chuan [Tanjung Malim] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan adakah perancangan untuk menaik taraf Jalan Persekutuan 1 daripada 2 lorong kepada 4 lorong, bahagian dari Tanjung Malim ke Bidor memandangkan keadaan bahagian jalan raya yang berkenaan telah menjadi sibuk dan sesak terutamanya pada musim percutian.

20. PR-1311-L53195
Tuan Ng Wei Aik [Tanjong] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan rancangan untuk menempatkan semula atau memperluaskan ruang Pejabat Imigresen George Town yang kecil lagi sempit dan cara-cara untuk menambahbaik lagi tahap perkhidmatan kaunter-kaunternya.
21. PR-1311-L53208
Dato' Abdul Manan bin Ismail [Paya Besar] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sejauh manakah keberkesanan Akta Perhimpunan Aman 2012 dalam membendung berlaku demonstrasi jalanan di negara ini.
22. PR-1311-L54002
Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan pendirian Kerajaan terhadap isu rakyat Malaysia ditahan dan dilucutkan permit pekerjaan di negara Singapura kerana menyertai perhimpunan aman *Black 505*. Bagaimanakah Wisma Putra membantu rakyat Malaysia yang terlibat.
23. PR-1311-L53729
Tuan William @ Nyallau anak Badak [Lubok Antu] minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan adakah pihak Kerajaan memperuntukkan dana untuk melaksanakan projek menaik taraf bekas 2 jalan balak iaitu:-
- (a) jalan balak menuju ke Ulu Sungai Lemanak dari simpang Sebeliau ke Ulu Bawi; dan
 - (b) jalan balak dari Sungai Sekunyit menuju ke Ulu Sungai Engkari dan jika ada, bilakah pemberiannya akan bermula dan jika tidak, sila beri sebab-sebabnya.
24. PR-1311-L53962
Tuan Jeff Ooi Chuan Aun [Jelutong] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan perbatuan dan pencapaian perkhidmatan 4G-LTE di seluruh negara berbanding liputan yang telah tercapai di rata-rata negara Asia seperti Jepun, Korea Selatan, Singapura dan Hong Kong. Khususnya, apakah pencapaian Puncak Semangat setakat ini.
25. PR-1311-L53125
Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan :-
- (a) sebab kelewatan penyiapan Hospital Queen Elizabeth di Kota Kinabalu, Sabah; dan
 - (b) oleh kerana kelewatan ini, berapa ramaikah pesakit yang dirujuk ke hospital-hospital di Kuala Lumpur sejak tahun 2000 serta kos yang terlibat.

26. PR-1311-L54105
Dato' Kamarul Baharin bin Abbas [Telok Kemang] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan :-
- (a) peningkatan jumlah Pas Pelajar dan Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS) yang meliputi 10% daripada jumlah kemasukan pelawat asing ke Malaysia pada 2009 hingga sekarang; dan
 - (b) berapa jumlah yang telah dihantar pulang ke negara asal kerana menyalahguna pas-pas tersebut.
27. PR-1311-L54625
Dato' Abd. Aziz bin Sheikh Fadzir [Kulim Bandar Baharu] minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah rancangan Kerajaan untuk memperbanyakkan kawasan hijau di bandar-bandar di seluruh negara sebagai contoh mewujudkan kawasan hijau yang diwartakan seperti Taman Rimba Kerinchi.
28. PR-1311-L54852
Tuan Gobind Singh Deo [Puchong] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah status dan hasil siasatan laporan polis Kajang repot no.028175/06 berkenaan semua aduan dalamnya termasuk mencederakan dan ugutan jenayah terhadap pengadu.
29. PR-1311-L53676
Dato' Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor] minta **MENTERI DALAM NEGERI** apakah tindakan Kementerian dalam memantau bekas-bekas tahanan Ordinan Darurat dan Langkah-langkah Pencegahan Khas dalam mencegah keganasan serta jenayah yang berleluasa di negara ini. Adakah indeks jenayah PDRM diambil kira termasuk jenayah berat dan bunuh di masukkan dalam NKRA PDRM.
30. PR-1311-L54347
Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sama ada Kerajaan akan mengembalikan semula Sekolah Bahasa Inggeris sebagai cara paling efektif untuk pelajar Malaysia dapat menguasai Bahasa Inggeris dalam era maklumat.
31. PR-1311-L53544
Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-
- (a) mengapakah Kerajaan tidak menyelaras elaun Imam-imam Surau yang bertaraf Masjid supaya sama bayarannya dengan elaun Imam-Imam Masjid. Walhal tanggungjawab dan amanah yang dipikul mereka hampir sama; dan

- (b) mengapakah elaun Imam-imam Masjid diberhentikan terus dan tidak diberikan kepada pengganti mereka apabila Imam-imam yang telah dilantik meninggal dunia, meletakkan jawatan dan sebagainya.
32. PR-1311-L54004
Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bilakah Suara Keadilan akan diberi permit penerbitan semula di bawah Akta Penerbitan dan Percetakan. Kalau tidak, mengapa.
33. PR-1311-L53493
Datuk Aaron Ago anak Dagang [Kanowit] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan jumlah dan peratusan pelajar lepasan sekolah menengah (tingkatan lima dan enam) bagi tiga (3) tahun yang lalu (mengikut negeri) yang dapat melanjutkan pelajaran mereka ke universiti dan kolej di dalam dan luar negara.
34. PR-1311-L53772
Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan statistik jenayah minum arak, judi, bunuh, rompak, zina dan khalwat mengikut negeri dari tahun 2009 hingga 2012.
35. PR-1311-L54776
Puan Rubiah binti Haji Wang [Kota Samarahan] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan adakah perancangan pihak Kementerian untuk memanjangkan penyaluran peruntukan yang sebelum ini dinikmati oleh nelayan laut kepada nelayan darat yakni nelayan-nelayan sungai di kawasan luar bandar.
36. PR-1311-L54210
Tuan Karpal Singh [Bukit Gelugor] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Kerajaan bersedia untuk menubuhkan sebuah badan Parlimen baru untuk mengambil alih peranan Suruhanjaya Pilihanraya dalam menjalankan '*redelineation*' yang berakhir pada tahun ini. Jika tidak, nyatakan sebab-sebab.
37. PR-1311-L54649
Datuk Chua Tee Yong [Labis] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan hasil siasatan oleh Jabatan Pendaftaran Pertubuhan ke atas kemelut dalam pemilihan pucuk pimpinan DAP pada tahun 2012.
38. PR-1311-L53847
Tuan Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan mengapa Ayaroo a/l Narayanan (No.K/P: 331212-02-5215) yang lahir dan masih tinggal di Padang Serai diberi MyKad permastautin tetap warna merah dan bukannya MyKad warganegara biru dan adakah Kementerian bercadang mengeluarkan MyKad warganegara biru kepada beliau.

39. PR-1311-L53715
Datuk Dr. Haji Abd. Latiff bin Haji Ahmad [Mersing] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan di mana rakyat Malaysia boleh mengundi selepas berumur 21 tahun setelah mendaftar dengan SPR mengikut peraturan-peraturan tertentu. Berdasarkan peratusan keluar mengundi yang tertinggi dalam pada PRU 13:-
- (a) adakah Kerajaan bercadang untuk mewajibkan semua rakyat mengundi; dan
 - (b) adakah Kerajaan akan menjadikan pendaftaran secara automatik sebagai pengundi SPR apabila rakyat genap berumur 21 tahun.
40. PR-1311-L54073
Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan :-
- (a) penjelasan jikalau polisi Kabotaj di Sabah akan dibatalkan; dan
 - (b) kenapa harga jual seperti kereta Nasional Proton dan Perodua di Sabah jauh lebih mahal daripada Semenanjung Malaysia.
41. PR-1311-L54837
Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Perumahan Rakyat 1Malaysia (PR1MA) akan dibina di Sibu atau tidak. Sila senaraikan lokasi PR1MA di Sarawak dan harganya. Kalau tidak ada PR1MA di Sibu, bila ada rancangan untuk PR1MA dibina di Sibu.
42. PR-1311-L54006
Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah rasional rampasan terhadap 1,062 naskah Harakah, 1,408 naskah Suara Keadilan dan 70 naskah The Rokat, sedangkan Utusan Malaysia yang sering difail saman fitnah dapat terus menerbitkan dan mengedarkan akhbaranya.
43. PR-1311-L53251
Tuan Liang Teck Meng [Simpang Renggam] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan syarat-syarat yang perlu untuk membolehkan sesebuah balai polis dinaiktarafkan daripada Kelas C ke Kelas B.
44. PR-1311-L54579
Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd Akin [Bukit Katil] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-
- (a) jumlah pengambilan penjawat awam yang dirancang pada tahun ini mengikut kaum; dan
 - (b) adakah pengambilan penjawat awam bukan Melayu meningkat apabila permohonan bukan Melayu menjadi penjawat awam telah meningkat sebanyak 70 peratus.

45. PR-1311-L54303
Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Setar] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) untuk menjalankan satu kajian penuh terhadap sistem pengangkutan awam, terutamanya sistem bas awam di Alor Setar dan kawasan sekeliling.
46. PR-1311-L54071
Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan :-
- (a) berapa banyak lesen 'mesin slot' yang diluluskan kepada negeri Sabah; dan
 - (b) apakah perancangan untuk mengawal pengeluaran lesen mesin slot ini.
47. PR-1311-L53074
Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan Persekutuan masih berhasrat mengekalkan Jabatan Pembangunan Persekutuan Negeri Kelantan (JPPK) yang telah diwujudkan sejak Kerajaan Negeri Kelantan diambil alih pemerintahannya oleh PAS daripada Barisan Nasional pada tahun 1990.
48. PR-1311-L54147
Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan bercadang mengkaji semula undang-undang Mahkamah Syariah bagi memperketatkan peraturan berkaitan perkahwinan di bawah umur.
49. PR-1311-L53232
Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat] minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan :-
- (a) berapakah jumlah perbelanjaan yang dibelanjakan oleh Kerajaan bagi menampung kos operasi satelit Razaksat.; dan
 - (b) bagaimana Kerajaan mengukur dan memantau sama ada tahap kegunaan satelit Razaksat tersebut berada di tahap yang optimum.
50. PR-1311-L54172
Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin] minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan jumlah peruntukan Persekutuan yang diberikan kepada Majlis Perbandaran Padawan (MPP) Kuching bagi tahun 2000 sehingga Jun 2013 serta penggunaan peruntukan tersebut.

51. PR-1311-L54302
Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Setar] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan melainkan melalui laman web Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD), sila jelaskan bagaimana Kerajaan mendapatkan orang awam di seluruh negara melibatkan diri untuk mendapatkan maklum balas mengenai draf Rancangan Induk Pengangkutan Awam Darat Negara yang disediakan oleh SPAD.
52. PR-1311-L53288
Dr. Lee Boon Chye [Gopeng] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan status pelaksanaan 1Care.
53. PR-1311-L54727
Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Awang [Marang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah bentuk sumbangan Kerajaan Malaysia terhadap Yayasan Pembangunan Pondok 1Malaysia (YPP1M) dan hala tuju sebenar penubuhan yaysan tersebut.
54. PR-1311-L53284
Dr. Lee Boon Chye [Gopeng] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan bilangan mesin slot yang diluluskan seluruh negara setiap tahun mulai 2008-2013.
55. PR-1311-L54528
Tuan Zairil Khir Johari [Bukit Bendera] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan struktur penubuhan unit PADU dan PADU Corporation dan berapakah kos penubuhan, kos operasi serta gaji pegawai-pegawai kanan unit-unit tersebut.
56. PR-1311-L54472
Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan mengapakah pembekalan diesel tidak cukup di Sandakan. Nyatakan jumlah kuota diesel untuk Sandakan, dan siapakah diberi Lesen Komuniti Drumming (untuk menghantar barang perlu ke luar bandar) dan berapakah kuota mereka. Bagaimana memantau kegunaan kuota oleh syarikat-syarikat ini.
57. PR-1311-L54100
Puan Teo Nie Ching [Kulai] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan perbelanjaan Jabatan Perdana Menteri untuk iklan dan bahan publisiti untuk tahun 2008, 2009, 2010, 2011, 2012 dan 2013.
58. PR-1311-L53705
Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan perbelanjaan sebanyak RM46.7 bilion dalam pembangunan sasaran janji (*development targeted pledges*) dan RM11.0 bilion bagi program 1Malaysia dalam tempoh beliau sebagai Perdana Menteri sehingga April 2013 serta perbelanjaan sebanyak RM36.1 juta dalam usaha penjenamaan semula (*rebranding image*) serta syarikat yang terlibat.

59. PR-1311-L53578
Tuan William Leong Jee Keen [Selayang] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan sebab-sebab bagi kos projek landasan berkembar elektrik dijangka adalah RM40 bilion setelah siap pada tahun 2020 dan langkah-langkah yang diambil untuk menguruskan kos projek tersebut.
60. PR-1311-L54203
Tuan Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan langkah-langkah secara menyeluruh dan berkesan yang diambil bagi menangani gejala guru-guru menghasut pelajar membenci pemimpin serta Kerajaan agar kegiatan yang seumpama ini tidak berulang.
61. PR-1311-L53441
Tuan Haji Khalid bin Abdul Samad [Shah Alam] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan status pembinaan Hospital Shah Alam serta berapakah kos keseluruhannya setelah ditender kembali.
62. PR-1311-L54276
Tuan Ahmad Marzuk bin Shaary [Bachok] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan peratus ubatan yang digunakan di hospital menggunakan ubatan generik (*generic*). Adakah pihak Kerajaan sedar keberkesananannya kurang memuaskan.
63. PR-1311-L53286
Dr. Lee Boon Chye [Gopeng] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan bilangan saman di bawah projek AES yang dikeluarkan sejak pelaksanaan serta jumlah kes yang didakwa di mahkamah.
64. PR-1311-L53950
Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan] minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan :-
- (a) kesediaan Kerajaan Persekutuan untuk menyerahkan pengurusan air Selangor kepada Kerajaan Negeri; dan
 - (b) adakah Kerajaan Persekutuan akan meneruskan Projek Langat II walaupun mendapat tentangan daripada Kerajaan Negeri Selangor.
65. PR-1311-L53629
Tan Sri Datuk Seri Panglima Annuar bin Haji Musa [Ketereh] [Ketereh] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan kemajuan pembinaan Lebuhraya Pantai Timur dan bilakah lebuhraya ini akan dibina di Negeri Kelantan.
66. PR-1311-L54208
Tuan Sivarasa a/l K. Rasiah [Subang] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan syarikat 1Malaysia Development Bhd telah memindahkan dana 7 bilion Ringgit Malaysia ke bank-bank di Pulau Cayman.

67. PR-1311-L53134
Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk menzahirkan Jawatankuasa-Jawatankuasa Pilihan Parlimen sebagaimana yang wujud di hampir semua badan legislatif di seluruh dunia.
68. PR-1311-L54464
Tuan Sivakumar a/l Varatharaju Naidu [Batu Gajah] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan syarat-syarat yang dikenakan untuk membawa masuk pekerja-pekerja pembinaan kuil dan paderi-paderi kuil bagi menjalankan upacara agama. Adakah Kerajaan berhasrat melonggarkan syarat-syarat ini memandangkan banyak kuil menghadapi masalah kekurangan pekerja pembinaan dan paderi-paderi buat masa ini.
69. PR-1311-L53418
Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan langkah-langkah yang diguna pakai untuk mengelak kejadian rompakan mesin ATM di seluruh negara dan kes penipuan wang pelanggan oleh staf bank yang dibongkar setakat ini memandangkan terdapat rungutan awam ke atas penipuan yang ditutup oleh pihak bank.
70. PR-1311-L54838
Tuan Tan Kok Wai [Cheras] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bilangan orang-orang yang tidak memiliki taraf kewarganegaraan (*stateless*) dalam negara ini dan nyatakan perangkaan mereka dari segi kaum dan kumpulan umur. Berapakah jumlah bilangan mereka yang diberikan taraf permastautin tetap dan kerakyatan Malaysia setiap tahun sepanjang 5 tahun kebelakangan ini.
71. PR-1311-L54107
Puan Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan :-
- (a) jumlah graduan Ijazah Sarjana Muda Pendidikan yang masih belum ditempatkan sehingga kini; dan
 - (b) apakah mekanisme yang digunakan bagi mengatasi masalah tersebut.
72. PR-1311-L54716
Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan :-
- (a) sebab syarikat Puncak Semangat diberikan kuota spektrum 4G-LTE terbesar 40MHz walaupun ia tidak mempunyai sebarang rekod pencapaian dalam bidang telekomunikasi; dan
 - (b) sebab kuota spektrum 4G-LTE tidak dilelong secara terbuka seperti di negara lain.
73. PR-1311-L53587
Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan statistik perkahwinan di bawah umur dan adakah ia digalakkan.

74. PR-1311-L55023
Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub [Machang] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah Kerajaan mempunyai cadangan untuk menaik taraf Hospital Daerah Machang dengan menempatkan doktor pakar sepenuh masa dan membina beberapa kemudahan seperti dewan bedah dan sebagainya.
75. PR-1311-L53934
Tuan Loke Siew Fook [Seremban] minta **MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN** menyatakan nama syarikat yang dilantik oleh pihak Kementerian sebagai *event planner* untuk acara-acara besar seperti Citrawarna dan Magic of the Night serta kos penganjuran kedua-dua program tersebut dan jumlah peruntukan yang ditetapkan untuk tujuan penganjuran acara-acara Kementerian bagi tahun 2013.
76. PR-1311-L53250
Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan :-
- (a) adakah pihak pasukan keselamatan seperti polis di kawasan luar bandar diberi kenderaan rondaan pacuan empat roda dan motosikal peronda baru bagi meningkatkan mutu rondaan seperti di kawasan Berkeno, Niah dan Batu Niah termasuk kawasan ladang di Parlimen Sibuti; dan
 - (b) adakah pihak PDRM dapat menimbangankan permohonan rakyat di kawasan Taman Tunku bagi mendapatkan Balai Polis Mini dalam menjamin keselamatan penduduk di kawasan tersebut.
77. PR-1311-L54764
Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan berapakah jumlah keseluruhan geran penyelidikan yang di terima oleh Universiti Malaysia Pahang (UMP) dari Lynas Malaysia Sdn Bhd sebagai geran untuk mengkaji sisa buangan radioaktif dari logi Lynas supaya sisa tersebut boleh di kitar semula untuk dijadikan produk komersial.
78. PR-1311-L53762
Dr. Ong Kian Ming [Serdang] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sebab pemprosesan visa pelajar asing di Malaysia diberikan kepada Education Malaysian Global Services (EMGS), syarikat swasta yang dihadkan dengan jaminan oleh Kementerian Pengajian Tinggi, dan mengapa kontrak insurans perubatan pelajar asing hanya diberikan kepada AXA Affin General Insurance.
79. PR-1311-L54901
Dato' Ar. Wan Mohammad Khairil Anuar bin Wan Ahmad [Kuala Kangsar] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan tragedi Lahad Datu dikatakan ada dalang dari dalam negara. Apakah pengkhianat itu telah dikenalpasti oleh Kementerian dan jika benar, bila akan ditangkap dan didakwa orang terbabit.

80. PR-1311-L55000
Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah kes tertunggak di semua mahkamah sehingga kini dan bilakah jangkaan Kerajaan masalah itu dapat diselesaikan.
81. PR-1311-L54931
Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid (B) [Lumut] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bilakah Sekolah Berasrama Penuh (Maktab Rendah Sains Mara / Sekolah Menengah Sains) akan dibina di kawasan Parlimen Lumut.
82. PR-1311-L54976
Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan peristiwa yang tidak terduga seperti runtuh bumbung masjid, bumbung stadium serta yang paling baru pembinaan Jambatan Kedua di Pulau Pinang, sedangkan Jabatan Kerja Raya mempunyai kepakaran yang cukup mahir, terlatih dan berpengalaman. Apakah punca-punca ia terjadi serta langkah-langkah pencegahan.
83. PR-1311-L55032
Tuan Rozman Isli [Labuan] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan memandangkan bertambahnya bilangan pekerja yang terlibat dalam industri berisiko tinggi seperti "Minyak & Gas", adakah Kementerian mempunyai cadangan untuk meningkatkan bilangan kakitangan paramedik dan mengadakan Unit Paramedik bagi menangani kes-kes kecemasan dan meningkatkan keselamatan pekerja.
84. PR-1311-L54075
Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah pembangunan di daerah Penampang akan disekat kerana daerah tersebut diwakili oleh Ahli-Ahli Wakil Rakyat yang bukan Kerajaan.
85. PR-1311-L55036
Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub [Machang] minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan:-
- (a) berapa ramaikah atlet yang bertanding mewakili negara di dalam acara-acara sukan di peringkat antarabangsa yang lahirnya daripada Sekolah Sukan Malaysia yang telah ditubuhkan oleh Kerajaan; dan
 - (b) jika ada, berapa banyakkah pingat yang telah mereka perolehi.
86. PR-1311-L54558
Datuk Haji Datu Nasrun bin Datu Mansur [Silam] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh manakah perkembangan penubuhan Pusat Kawasan Keselamatan Khas Pantai Timur Sabah (ESSCOM) di Lahad Datu Sabah, setakat ini dan sejauh manakah keberkesanan kerjasama antara agensi-agensi keselamatan yang terlibat semenjak tertubuhnya ESSCOM.

ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

1. **Usul dibuat oleh Yang Berhormat Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]** dan masalah dicadangkan :-

“ Bahawa suatu ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:-

“ Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan berbanyak-banyak syukur dan menjunjung kasih kerana Titah Ucapan Seri Paduka Baginda semasa membuka Penggal Pertama, Parlimen Yang Ketiga Belas.”

Menyambung semula Perbahasan atas masalah (9 Julai, 2013)

2. **Menteri Kewangan** akan mencadangkan:-

“BAHAWASANYA, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengumumkan penyusunan semula beberapa Kementerian berkuat kuasa 16 Mei 2013 seperti berikut :

- (a) Fungsi-fungsi dan agensi-agensi di bawah Kementerian Pengajian Tinggi digabungkan dengan Kementerian Pelajaran yang kini dikenali sebagai Kementerian Pendidikan;
- (b) Fungsi-fungsi dan agensi-agensi berkaitan kebudayaan di bawah Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan yang kini dikenali sebagai Kementerian Komunikasi dan Multimedia dipindahkan ke Kementerian Pelancongan yang kini dikenali sebagai Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan; dan
- (c) Fungsi-fungsi dan agensi-agensi kesejahteraan bandar di bawah Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar yang kini dikenali sebagai Kementerian Wilayah Persekutuan dipindahkan ke Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan yang kini dikenali sebagai Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

DAN BAHAWASANYA-

- (i) perbelanjaan pengurusan bagi maksud-maksud yang melibatkan Kementerian yang disusun semula itu telah diperuntukkan melalui Akta Perbekalan 2013 [Akta A1446];

- (ii) amaun yang belum dibelanjakan yang berhubungan dengan Kementerian-kementerian yang peruntukan untuknya perlu dikurangkan itu telah disekat melalui waran yang dikeluarkan oleh Menteri Kewangan di bawah perenggan 13(3)(b) Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61];
- (iii) perbelanjaan pembangunan bagi maksud-maksud yang melibatkan Kementerian-kementerian yang disusun semula telah diluluskan oleh Dewan ini dan diperuntukkan bagi maksud-maksud seperti yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau ("P") dalam senarai Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2013;
- (iv) amaun yang belum dibelanjakan yang berhubungan dengan Kementerian-kementerian yang peruntukan untuknya perlu dikurangkan itu telah disekat melalui waran yang dikeluarkan oleh Menteri Kewangan di bawah seksyen 8 Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [Akta 406];
- (v) bagi Kementerian-kementerian yang disusun semula itu, perlu dibuat pengurangan semula peruntukan perbelanjaan pengurusan dan pembangunannya berikutan dengan penyusunan semula fungsi-fungsinya; dan
- (vi) menurut Peraturan Majlis Mesyuarat 66A Peraturan-Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat, tertakluk kepada suatu Rang Undang-undang Perbekalan yang telah diluluskan mengikut Peraturan Mesyuarat 66, mana-mana pengurangan semula peruntukan perbelanjaan boleh dibuat melalui suatu usul oleh seorang Menteri,

MAKA, OLEH YANG DEMIKIAN, DEWAN INI, membuat ketetapan seperti berikut:

1. Berkaitan dengan Perbelanjaan Mengurus-

- (a) membenarkan pemindahan sejumlah wang tidak melebihi lima bilion lapan ratus tiga puluh enam juta sembilan ratus tujuh puluh lima ribu sembilan ratus empat puluh tujuh ringgit (RM5,836,975,947) di bawah Maksud B.49 Kementerian Pengajian Tinggi kepada Maksud B.41 Kementerian Pendidikan;
- (b) membenarkan pemindahan sejumlah wang tidak melebihi dua ratus empat puluh dua juta tiga ratus tujuh belas ribu seratus dua puluh tiga ringgit (RM242,317,123) di bawah Maksud B.47 Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan kepada Maksud B.31 Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan; dan
- (c) membenarkan pemindahan sejumlah wang tidak melebihi tujuh juta enam ratus lima puluh empat ribu lapan ratus tiga puluh empat ringgit (RM7,654,834) di bawah Maksud B.32 Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar kepada Maksud B.43 Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

2. Berkaitan dengan Perbelanjaan Pembangunan-
- (a) membenarkan pemindahan sejumlah wang tidak melebihi satu bilion sembilan ratus tujuh puluh lima juta seratus tujuh puluh satu ribu tiga ratus tujuh puluh satu ringgit (RM1,975,171,371) di bawah Maksud P.49 Kementerian Pengajian Tinggi kepada Maksud P.41 Kementerian Pendidikan;
 - (b) membenarkan pemindahan sejumlah wang tidak melebihi enam puluh empat juta tiga ratus empat puluh ribu lapan ratus enam puluh ringgit (RM64,340,860) di bawah Maksud P.32 Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar kepada Maksud P.43 Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan; dan
 - (c) membenarkan pemindahan sejumlah wang tidak melebihi lima puluh tujuh juta tiga puluh ribu tiga ratus lapan puluh lima ringgit (RM57,030,385) di bawah Maksud P.47 Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan kepada Maksud P.31 Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan.”
3. (D.R. 4/2013) Rang Undang-undang Perbekalan **Bacaan Kali**
 Tambahan (2012) 2013 **Yang Kedua**

[Menteri Kewangan]

DAN

Menteri Kewangan akan mencadangkan:-

“Bahawa Dewan ini mengikut subseksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, membuat ketetapan bahawa jumlah wang tambahan sebanyak lima ratus tiga belas juta empat ratus enam puluh sembilan ribu lima ratus enam puluh ringgit (RM513,469,560) diperuntukkan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun kewangan 2012 bagi Maksud dan Butiran (Projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama, 2012 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 18 Tahun 2013 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud dan Butiran (Projek) dalam ruang sembilan dan sepuluh penyata tersebut.”

4. PR-1311-U53624
Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa adalah menjadi pengetahuan umum bahawa ramai warga asing di negeri Sabah telah diberikan kewarganegaraan dengan berstatuskan Bumiputera di negeri Sabah, dengan pemberian kad pengenalan Malaysia.

Dan Dewan ini mengambil maklum juga, dalam pendengaran awam Suruhanjaya Siasatan DiRaja bagi menangani masalah pemberian kad pengenalan Malaysia kepada warga asing, beberapa orang saksi telah memberikan keterangan bahawa memang terdapat usaha beberapa individu untuk memberikan warga asing kad pengenalan Malaysia dan seterusnya mendaftarkan mereka sebagai pemilih. Dan Dewan ini mengambil maklum juga bahawa, dalam pendengaran awam Suruhanjaya Siasatan DiRaja, Suruhanjaya juga diberitahu bahawa terdapat juga individu yang mengambil kesempatan untuk menjual kad pengenalan kepada warga asing. Dan Dewan ini mengambil maklum juga bahawa, dikhabarkan bahawa jumlah warga asing yang telah diberikan kerakyatan telah melepasi tiga kali ganda jumlah penduduk asal negeri ini. Dan Dewan ini juga mengambil maklum bahawa kehadiran "warganegara Malaysia baru ini" telah banyak menimbulkan masalah sosial, kesihatan, ekonomi dan keselamatan. Maka, bagi menangani masalah ini, Dewan ini hendaklah mengambil ketetapan bahawa, gerakan penukaran kad pengenalan baru haruslah dijalankan di negeri Sabah dan setiap permohonan kad pengenalan baru ini hendaklah disokong dengan sijil kelahiran pemohon dan juga ibu bapa pemohon. Dewan ini juga haruslah memutuskan bahawa latar belakang pemohon yang menggunakan sijil pendaftaran lewat kelahiran atau surat akuan hendaklah diteliti rapi agar tidak terdapat unsur-unsur penipuan pendaftaran. Abjad "H" dan angka "12" juga haruslah dimasukkan dalam kad pengenalan yang dikeluarkan bag rakyat Sabah."

(Menteri Dalam Negeri)

5. PR-1311-U53641

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan] akan mencadangkan:-

" Dewan ini mengambil maklum bahawa, sebagaimana yang telah diumumkan oleh pihak Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia, satu gerakan persempadanan semula kawasan pilihan raya di seluruh negara akan dijalankan dalam tempoh terdekat. Dan Dewan ini mengambil maklum bahawa pada masa ini daripada 222 kerusi Parlimen yang ada, hanya 56 kerusi sahaja diperuntukkan bagi Negeri-negeri Borneo (Sarawak 31 dan Sabah 25) dan selebihnya 166 kerusi diperuntukkan kepada negeri-negeri di Semenanjung Malaysia. Dan Dewan ini mengambil maklum bahawa tanah Semenanjung Malaysia berkeluasan seluas 131,598 kilometer persegi diperuntukkan sebanyak 166 kerusi (75%) sementara Sarawak dan Sabah dengan keluasan 198,081 kilometer persegi hanya diperuntukkan hanya 56 kerusi(25%). Dan Dewan ini mengambil maklum bahawa dengan kedudukan geografi dan bentuk muka bumi negeri Sarawak dan Sabah, pengurusan dan pentadbiran di kedua-dua negeri ini agak terbantut, sama ada dari segi suara di Parlimen mahu pun dana yang diperoleh melalui Ahli Parlimen. Dan Dewan ini mengambil maklum bahawa bersandarkan kepada polisi dan semangat Perjanjian Malaysia, Negeri Borneo ini (Sarawak dan Sabah) hendaklah memiliki 1/3 atau sekurang-kurangnya 77 kerusi Parlimen.

Maka, Dewan ini hendaklah mengambil ketetapan bahawa dalam gerakan persempadanan semula kawasan pilihan raya yang bakal dijalankan nanti, Negeri Sarawak dan Sabah hendaklah diperuntukkan 1/3 kerusi Parlimen yang bakal dibentuk kelak."

(Perdana Menteri)

6. PR-1311-U53665

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan] akan mencadangkan:-

"Dewan ini mengambil maklum bahawa, bahasa memainkan peranan penting dalam berkomunikasi sama ada, ketika belajar, ketika bekerja atau ketika beriadah. Dan Dewan ini mengambil maklum juga, bahawa kebolehan berkomunikasi dalam pelbagai bahasa membolehkan rakyat Malaysia berinteraksi dengan baik sama ada dalam negara mahu pun di peringkat global. Maka, Dewan ini hendaklah mengambil ketetapan bahawa, dalam merangka pelan pendidikan negara, Kerajaan hendaklah mewajibkan semua murid di Sekolah Jenis Kebangsaan mengambil mata pelajaran Bahasa Malaysia dan Inggeris sebagai mata pelajaran wajib sementara di sekolah kebangsaan pula, murid hendaklah mengambil mata pelajaran bahasa pilihan, sama ada bahasa ibunda, Tamil, Cina dan lain-lain bahasa."

(Menteri Pendidikan)

7. PR-1311-U53673

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan] akan mencadangkan:-

"Dewan ini mengambil maklum bahawa, isu Borneonisasi amat dekat di hati rakyat Negeri Sabah dan Sarawak. Dan Dewan ini mengambil maklum juga, bahawa rakyat Malaysia dari Negeri Sabah dan Sarawak juga ingin untuk menyumbang dalam pembangunan negara. Dan Dewan ini mengambil maklum juga bahawa, Rakyat Malaysia dari Negeri Sabah dan Sarawak amat bersyukur kerana telah diberikan banyak peluang dalam menjawat jawatan persekutuan di kedua-dua negeri ini. Dan Dewan ini mengambil maklum juga, masih terdapat banyak ruang di mana rakyat Malaysia dari Negeri Sabah dan Sarawak dapat diberikan peluang untuk berkhidmat dan menyumbang kepada pembangunan negara dalam syarikat berkaitan Kerajaan dan agensi-agensi Kerajaan Persekutuan. Maka, Dewan ini hendaklah mengambil ketetapan bahawa, rakyat Malaysia dari Negeri Sabah dan Sarawak haruslah diberikan peluang untuk berkhidmat dalam syarikat berkaitan Kerajaan dan agensi-agensi Kerajaan Persekutuan."

(Perdana Menteri)

8. PR-1311-U53606
Tuan Kulasegaran a/l Murugeson [Ipoh Barat] akan mencadangkan:-
- "Bahawa Dewan Rakyat ini mengambil maklum bahawa kebelakangan ini beberapa orang yang telah ditangkap dan ditahan di lokap untuk penyiasatan selanjutnya mati di lokap Polis dan ia adalah di bawah bidang kuasa Polis. Pada masa sekarang pihak Polis sendiri menyiasat salah guna kuasa mereka sendiri ini tidak membawa sebarang keyakinan kepada rakyat. Suatu Badan Kuasa Bebas perlu ditubuhkan seperti yang telah disyorkan supaya siasatan bebas terhadap pihak Polis boleh dilaksanakan. Badan yang dicadangkan adalah "Independent Police Complaints And Misconduct Commission (IPCMC)". Bahawa Dewan ini mengarahkan Kementerian Dalam Negeri melaksanakan dan menubuhkan "Independent Police Complaints And Misconduct Commission (IPCMC)" dengan segera".
- (Perdana Menteri)**
9. PR-1311-U53671
Dr. Tan Seng Giaw [Kepong] akan mencadangkan:-
- "Bahawa Dewan ini membahaskan dasar dan langkah-langkah yang sentiasa diambil untuk menjaga keutuhan negara Malaysia."
- (Menteri Dalam Negeri)**
10. PR-1311-U53672
Dr. Tan Seng Giaw [Kepong] akan mencadangkan:-
- "Bahawa Dewan ini memperdebatkan keadaan jenayah secara menyeluruh di negara ini."
- (Menteri Dalam Negeri)**
11. PR-1311-U53434
Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] akan mencadangkan:-
- "Bahawa Dewan Rakyat bersetuju supaya pilihan raya Kerajaan tempatan dipulihkan semula di seluruh negara termasuk pilihan raya Kerajaan Tempatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur bagi menggantikan sistem lantikan Datuk Bandar dan Ahli-ahli Majlis kerana ia lebih berkesan untuk mewujudkan pentadbiran Kerajaan Tempatan yang adil, cekap dan akauntabiliti berbanding sistem sekarang."
- (Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan Dan Kerajaan Tempatan)**

12. PR-1311-U54335

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena] akan mencadangkan:-

"Bahawa Parlimen yang bersidang pada hari ini mengambil tindakan terhadap Pengerusi dan Timbalan Pengerusi serta anggota Suruhanjaya Pilihanraya (SPR) yang telah melakukan penipuan dalam PRU-13 dengan menggunakan dakwat kekal yang tidak kekal dan menjadikan PRU-13 sebagai tidak bersih."

(Perdana Menteri)

13. PR-1311-U54336

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena] akan mencadangkan:-

"Bahawa Parlimen yang bersidang pada hari ini memansuhkan dan membatalkan pelaksanaan dan operasi AES yang jelas hanya menguntungkan syarikat konsesi dan tidak menyelesaikan serta tidak mengurangkan kadar kemalangan di Malaysia. "

(Menteri Pengangkutan)

14. PR-1311-U54337

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena] akan mencadangkan:-

"Bahawa Parlimen yang bersidang pada hari ini memansuhkan dan membatalkan pinjaman pendidikan PTPTN dan menyediakan pendidikan tinggi yang percuma untuk rakyat Malaysia. Pemansuhan PTPTN akan mengelakkan masyarakat Malaysia daripada beban hutang yang berpanjangan."

(Menteri Pendidikan)

15. PR-1311-U54338

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena] akan mencadangkan:-

"Bahawa Parlimen yang bersidang pada hari ini memastikan Rang Undang - Undang GST mesti ditolak, kerana GST akan menambah beban hidup rakyat. Pelaksanaan GST nanti adalah satu kezaliman pada rakyat Malaysia yang majoritinya berpendapatan rendah dan sederhana."

(Menteri Kewangan)

16. PR-1311-U54339

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena] akan mencadangkan:-

"Bahawa Parlimen yang bersidang pada hari ini mengutuk sekerasnya kenyataan-kenyataan berbau perkauman yang dikeluarkan oleh pimpinan parti politik dan media perkauman UMNO/BN seperti menyatakan keputusan PRU-13 adalah tsunami politik Cina dan 'apa lagi cina mau' adalah sesuatu yang tidak boleh diterima dan bertentangan dengan amalan demokrasi."

(Perdana Menteri)

17. PR-1311-U54341

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena] akan mencadangkan:-

"Bahawa Parlimen yang bersidang pada hari ini meminta Kerajaan menurunkan harga minyak RON95 dari RM1.90 kepada RM 1.40 bagi meringankan bebanan hidup rakyat dan membolehkan lebih pendapatan dalam poket serta mewujudkan pendapatan boleh guna rakyat."

(Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi Dan Kepenggunaan)

18. PR-1311-U53963

Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan] akan mencadangkan:-

"bahawa Dewan mempertimbangkan cadangan Malaysian Association of Foreign Maid Agencies (PAPA) untuk menaikkan fi pengambilan pekerja kepada RM6700 oleh majikan dan RM1800 oleh pekerja domestik. Memorandum Persefahaman (MOU) yang ditandatangani Kerajaan Malaysia-Indonesia, yang menetapkan fi tetap pada RM4,511; RM2,711 dibayar oleh majikan dan RM1,800 oleh pekerja domestik jelas menunjukkan agensi pekerjaan mengaut keuntungan yang tinggi melalui pemerdagangan ini. Ia akan membawa kepada tangga gaji yang rendah kepada pekerja domestik untuk sekurang-kurangnya 6-9 bulan. Ianya jua bercanggah dengan Akta Pekerjaan (Artikel 24-8) yang menghalang majikan menolak gaji sehingga 50%. Ia juga bercanggah dengan Prosedur Operasi Piawai (Standard Operating Procedure) di bawah Akta Anti-Pemerdagangan Manusia di mana sekiranya gaji tidak dibayar untuk tiga bulan atau lebih, maka majikan boleh didakwa kerana eksploitasi."

(Menteri Sumber Manusia)

19. PR-1311-U53965

Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan] akan mencadangkan:-

"bahawa Dewan ini mendesak agar segala projek pembangunan yang dibina di kawasan Bukit Gasing dihentikan agar hakisan tanah dan penduduk di kawasan pinggir bukit tidak hidup dalam ketakutan setiap kali hujan turun."

(Menteri Wilayah Persekutuan)

20. PR-1311-U54604

Tuan Manivanan a/l Gowindasamy [Kapar] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan mempertimbangkan cadangan untuk membenarkan keluarga mangsa yang mati dalam tahanan Polis Diraja Malaysia, memperoleh pakar perubatan forensik sendiri bagi menjalankan bedah siasat."

(Menteri Dalam Negeri)

21. PR-1311-U54605

Tuan Manivanan a/l Gowindasamy [Kapar] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mendesak agar pendidikan agama diperkenalkan di sekolah kepada pelajar bukan Islam sebagai langkah untuk menerapkan nilai-nilai murni dan keagamaan di kalangan pelajar bukan Islam di dalam membendung gejala sosial yang kian meningkat dan berleluasa akibat daripada kegagalan sistem pendidikan di Malaysia."

(Menteri Pendidikan)

22. PR-1311-U55044

Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan Yang Mulia ini mengecam Menteri Dalam Negeri, YB Datuk Seri Ahmad Zahid Hamidi untuk artikel "Hijrah ke negara republik jika enggan terima sistem negara" di dalam Utusan Malaysia pada 16 Mei 2013, kerana bukan sahaja menunjukkan keangkuhan dan penghinaan terhadap pendapat umum tetapi juga untuk seorang Menteri menyuruh rakyat Malaysia yang tidak suka dengan sistem Pilihan raya negara keluar meninggalkan negara adalah bertentangan dengan dasar 1Malaysia Perdana Menteri dan matlamat beliau untuk menjadikan Malaysia "demokrasi terbaik dunia".

(Menteri Dalam Negeri)

23. PR-1311-U55043

Tuan Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengiktiraf bahawa Rakyat diberi akses munasabah kepada Parlimen dan premisnya; seterusnya bahawa langkah-langkah diambil supaya Dewan Rakyat dijadikan tempat yang lebih menggalakkan penyertaan dan minat rakyat; membuat ketetapan bahawa Rakyat dan pertubuhan-pertubuhan NGO dibenarkan penggunaan munasabah akan kemudahan di Parlimen termasuk untuk mengadakan sidang akhbar di lobi Parlimen dan bahawa rakyat tidak dipaksa menurut sebarang kod pakaian semasa berada di Dewan Rakyat atau premisnya."

(Perdana Menteri)

24. PR-1311-U55045

Tuan Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini dapat timbang semula keputusan Tuan Timbalan Yang Dipertua berkenaan dengan perkara Peraturan Mesyuarat pada 1hb Julai 2013 iaitu keputusan Mahkamah dalam kes kematian dalam tahanan polis A.Kugan tidak boleh disebutkan menurut Peraturan Mesyuarat 36(2) atas alasan bahawa ianya berada di bawah timbangan Mahkamah (subjudice)."

(Perdana Menteri)

**RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
(DEWAN RAKYAT)**

<u>TAHUN 2013</u>	<u>RISALAT/DOKUMEN</u>	<u>TARIKH DIBENTANGKAN</u>
ST.26	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Akademi Sains Malaysia Bagi Tahun 2012.	10 Julai 2013
ST.27	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Kumpulan Wang Simpanan Pekerja Bagi Tahun 2012.	10 Julai 2013
ST.33	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Pemantauan Audit Bagi Tahun 2012.	10 Julai 2013